



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

CADANGAN PENGAMBILALIHAN LEBUHRAYA BERTOL

Pada hari Sabtu yang lepas, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah memulakan proses rundingan dengan Gamuda Berhad untuk mengambil alih empat konsesi lebuhraya di mana syarikat tersebut mempunyai pegangan majoriti. Empat lebuhraya yang terbabit ialah Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART (SMART).

Tanpa mengambil kira kumpulan PLUS, keempat-empat lebuhraya ini menguasai 48% daripada jumlah pendapatan lebuhraya-lebuhraya bertol di bandar. Ini meliputi sebahagian besar daripada lebuhraya dalam bandar dan menunjukkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam langkah pertama memenuhi manifesto pilihanraya kami.

Apabila pengambilalihan konsesi empat lebuhraya ini dimuktamadkan, Kerajaan akan menghapuskan mekanisme kutipan tol sedia ada dan menggantikannya dengan model baharu "caj kesesakan". Caj kesesakan adalah caj boleh ubah yang bergantung kepada masa penggunaan. Ini akan menggalakkan pengguna lebuhraya untuk merancang perjalanan mereka pada waktu luar puncak dan mengurangkan kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak. Dengan dasar baharu ini, pengguna lebuhraya pada waktu puncak juga akan menikmati pengurangan kesesakan lalu lintas berbanding dengan situasi semasa.

Unjuran awal menganggarkan bahawa pengguna empat lebuhraya ini akan menikmati penjimatan sehingga RM180 juta setahun dengan peralihan daripada kutipan tol kepada caj kesesakan. Penjimatan ini bermakna pendapatan boleh guna isi rumah rakyat Malaysia akan bertambah dengan jumlah yang sama.

Kutipan caj kesesakan adalah mencukupi untuk membiayai bayaran balik pinjaman kos pengambilalihan dan juga segala kos operasi serta penyenggaraan lebuhraya tanpa memerlukan peruntukan tambahan daripada MOF.

Di samping itu, pengambilalihan lebuhraya ini pada harga yang adil dan berpatutan bagi pihak Kerajaan akan menjimatkan pembayar cukai sebanyak RM5.3 Bilion dalam bentuk pembayaran pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi akibat pembekuan kadar tol di lebuhraya berkenaan sehingga akhir tempoh konsesi.

Cadangan pengambilalihan lebuhraya ini adalah penyelesaian "win-win-win" untuk semua pihak yang terlibat:

- Kerajaan dan pembayar cukai akan jimat RM5.3 Bilion dalam bentuk pembayaran pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi akibat pembekuan kadar tol;
- pengguna lebuhraya akan menikmati penjimatan sehingga RM180 Juta setahun dan juga pengurangan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak; dan
- sebarang lebihan kutipan caj kesesakan akan disalurkan kepada pembangunan dan penyenggaraan sistem pengangkutan awam Malaysia.

Kerajaan menjangka bahawa usaha pengambilan empat lebuhraya bertol ini akan mengambil masa selama 6 bulan untuk memenuhi kesemua keperluan pengawalseliaan, kewangan dan undang-undang.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
26 Februari 2019

Like Be the first of your friends to like this.
